KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

25-27 DISEMBER 2022

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
25 DISEMBER 2022
HALAMAN:
3
ONLINE
SEE HUA SARAWAK

Utusan
Berita Harian
Metro
Kosmo!
Sinar
Star
New Straits Times
南洋商報
東方日報
Utusan Borneo
The Borneo Post
New Sabah Times

Whether Ahmad Jazlan will accept FELCRA appointment as Chairperson again? Zahid : PM will announce it one day

阿末嘉兹蘭是否再受委FELCRA主席？

扎希：首相會擇日再公佈

（莎阿南24日讯）副首相拿督斯里阿末扎希表示，首相拿督斯里安华会择日一起宣布所有相关机构的职务。

他说，对於媒体提问为暂停巫统前马樟国会议员阿末嘉兹兰的委任，已经和所有机构说明，要一视同仁，因此所有相关机构的委任人选，首相会再择定日期一起公布。

「是的，会再宣布一次。所以是全部职位（会一起宣布），不是一个职位而已。」

他是针对政府暂停巫统前马樟国会议员阿末嘉兹兰被委任为联邦土地复兴和统一公司（FELCRA）主席一事，这样回应。

他在出席莎阿南一座印度庙举行的午宴后，接受媒体访问时，如是指出。

此前阿末扎希曾宣布，在谘询FELCRA要员意愿后，决定再次委任阿末嘉兹兰为FELCRA主席。但随后首相拿督斯里安华表示，暂停委任阿末嘉兹兰为FELCRA主席，并提及已告知阿末扎希，暂停这项委任。

TARIKH:
27 DISEMBER 2022
HALAMAN:
17
ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☒
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

1,400 KIR Orang Asli terima bakul makanan

GUA MUSANG - Kira-kira 1,400 ketua isi rumah (KIR) Orang Asli dari lima buah pos di sini menerima bantuan bakul makanan yang disediakan oleh kerajaan susulan musim tengkujuh yang sedang melanda ketika ini.

Menurut jurucakap Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), agihan itu melibatkan Pos Gob seramai 187 KIR, Pos Simpor (210 KIR), RPS Balar (223 KIR), Belatim (185 KIR) dan Pos Bihai (304 KIR).

"Penghantaran bakul makanan ini bermula Ahad sehingga Khamis. Kita mendapat kerjasama daripada Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk penghantaran makanan kepada masyarakat Orang Asli, katanya dalam satu kenyataan di sini pada Isnin.

Tambah beliau, bagaimanapun kelancaran gerak kerja penghantaran ke lokasi-lokasi yang telah ditetapkan itu bergantung kepada keadaan cuaca.

Ujarnya, mengikut perancangan penghantaran bakul makanan ini tidak dapat dilaksanakan lebih awal disebabkan Unit Udara JBPM terpaksa membantu mangsa banjir di Kelantan dan Terengganu.

Beliau mendedahkan, penghantaran melalui kenderaan darat tidak dapat dilaksanakan disebabkan keadaan jalan teruk selain terdapat runtuhan tanah yang berlaku di antara Pos Balar dan Pos Belatim berhampiran Kampung Dakoh.



Kira-kira 1,400 ketua isi rumah (KIR) Orang Asli dari lima buah pos di Gua Musang menerima bantuan bakul makanan yang disediakan oleh kerajaan susulan musim tengkujuh yang sedang melanda ketika ini.

"Untuk itu, pihak JAKOA telah berbincang dan bekerjasama dengan pihak JKR Kesedar untuk kerja-kerja pembersihan runtuhan serta pembaikan cerun.

Namun kerja-kerja di lapangan mungkin tidak dapat dilaksanakan dalam masa terdekat memandangkan keadaan jalan yang teruk serta cuaca yang masih buruk sekali gus menyukarkan jentera berat untuk masuk dan sampai ke lokasi kejadian," katanya.



Penghantaran bakul makanan bermula pada Ahad hingga Khamis dan mendapat kerjasama daripada Unit Udara JBPM untuk misi khas membantu masyarakat Orang Asli.

TARIKH:
27 DISEMBER 2022

HALAMAN:
27

ONLINE

UTUSAN SARAWAK

Lantikan perlu dilakukan dengan teliti - Ahmad

PONTIAN: Pelantikan jawatan pengerusi dan ahli lembaga pengarah yang melibatkan badan berkanun persekutuan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu dilakukan dengan teliti dan tidak tergesa-gesa, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Beliau berkata, misalnya operasi GLC di bawah syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD) masih berjalan dengan baik di bawah pengurusan ketua pegawai eksekutif, barisan pengurusan tertinggi lain serta kakitangan syarikat meskipun jawatan tersebut belum diisi.

"Jadi kita menunggu arahan kabinet seterusnya (mengenai) bilakah jawatan itu akan diisi semula.

"Saya tahu bahawa di bawah MKD memang ada banyak syarikat yang terlibat dan peletakan jawatan itu telah dilakukan oleh pelbagai pihak, pelbagai parti," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan masyarakat setempat di Taman Seri Api-Api, di sini, semalam.

Ahmad yang juga merupakan Ahli Parlimen Pontian berkata, pelantikan tersebut mungkin mengambil masa sebulan dua, yang merupakan tempoh yang munasabah.

"Ia (pelantikan) bagaimanapun tidak menjejaskan operasi syarikat bawah MKD dan agensi yang terlibat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan terkini pelantikan pengerusi dan ahli lembaga pengarah, yang sebelum ini melibatkan lantikan ahli politik dan telah ditamatkan serta merta pada 14 Disember lalu.

Terdahulu, sebelum ini Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata lantikan yang melibatkan MKD dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana mahu melakukan penyelarasan untuk kesemua pelantikan berkenaan.

- Bernama



SIDANG MEDIA.... Timbalan Menteri Kewangan yang juga Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Ahmad Maslan bercakap pada sidang media di Pusat Khidmat Api Api, Taman Seri Api Api semalam. • Foto BERNAMA

TARIKH:
27 DISEMBER 2022

HALAMAN:

ONLINE

Utusan ☐
Berita Harian ☐
Metro X
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Syor guna helikopter hantar anak sekolah

175 pelajar Pos Gob dikhuatiri tak dapat pergi sekolah selepas jalan, jambatan kayu runtuh

Gua Musang

Masyarakat Orang Asli di Pos Gob merayu pihak berkuasa mencari kaedah terbaik bagi membantu 175 pelajar yang dikhuatiri akan terkandas dan tidak dapat memulakan sesi persekolahan 1 Januari ini, sekiranya laluan menghubungkan perkampungan mereka dengan Gua Musang masih rosak.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) Pos Gob Uda Alang berkata, disebabkan jalan balak rosak dan sebuah jambatan kayu runtuh, sebahagian pelajar berkenaan juga tidak pulang ke asrama dan seterusnya tidak hadir pada sesi persekolahan lalu.

Katanya, meskipun terdapat kenderaan pacuan empat roda yang disediakan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) untuk membawa pelajar ke sekolah, sebagai ibu bapa mereka tetap memikirkan risiko keselamatan anak yang terpaksa melalui jalan yang rosak.

> *"Sejak tiga bulan lalu kami berdepan kesulitan untuk keluar ke bandar kerana laluan balak rosak dan Jambatan Blaer yang menghubungkan kampung runtuh"*
>
> **Uda Alang**

"Sejak tiga bulan lalu kami berdepan kesulitan untuk keluar ke bandar kerana laluan balak rosak dan Jambatan Blaer yang menghubungkan kampung runtuh.

"Dianggarkan 175 pelajar sekolah tinggal di Pos Gob dan kami bimbang untuk membenarkan anak ke sekolah kerana keadaan jalan yang rosak teruk," katanya ketika ditemui, di sini.

Uda berkata, melihat kepada kesulitan yang bakal dihadapi anak mereka, diharapkan kerajaan dan Jakoa dapat membantu menyediakan pengangkutan udara kepada pelajar sekolah rendah serta menengah di penempatan itu supaya mereka dapat kembali ke Gua Musang untuk memulakan sesi persekolahan.

Sementara itu, Pandak Ngah, 65, berkata, sebahagian daripada 175 pelajar itu adalah mereka yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun depan.

"Jarak sekolah yang jauh menyebabkan ramai ibu bapa yang tidak membenarkan anak mereka terutama yang masih kecil ke sekolah sejak tiga bulan lalu hingga mengakibatkan keciciran dalam pelajaran," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Aduń) Nenggiri, Ab Aziz Yusoff mengesahkan menerima aduan berkenaan permasalahan itu dan akan mengadakan perbincangan dengan Jakoa serta agensi kerajaan yang lain bagi mencari jalan penyelesaian.

"Saya sarankan kerajaan memberi bantuan khidmat helikopter untuk membawa anak Orang Asli ke sekolah rendah atau menengah terutama di kawasan pedalaman seperti Pos Gob.

"Ini kerana ibu bapa bersungut tidak mahu menghantar anak mereka ke sekolah kecuali jika bantuan helikopter dapat digunakan," katanya.

TARIKH:
27 DISEMBER 2022

HALAMAN:
3

ONLINE

- Utusan Malaysia ☐
- Berita Harian ☐
- Metro ☐
- Kosmo! ☐
- Sinar ☐
- Star [X]
- New Straits Times ☐
- 南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
- 東方日報 Oriental Daily News ☐
- Utusan Borneo ☐
- The Borneo Post ☐
- New Sabah Times ☐

Appointments of GLC's chairmen, board must be done carefully

KUALA LUMPUR: The appointment of all chairmanships and board members involving federal statutory bodies and government-linked companies (GLCs) should be done carefully and not hastily.

Deputy Finance Minister Datuk Seri Ahmad Maslan said for example, GLCs operation under the Minister of Finance (Inc) (MoF Inc) is still running well under the management of the chief executive officer, other top management and staff.

"So, we are waiting for the next cabinet directive on when the position will be filled again, by whom, that is what we are waiting for.

"I know that under MoF Inc, there are many companies involved and the resignations have been done by various parties," he told reporters after a meeting with the local community at Taman Seri Api-Api in Pontian, Johor, yesterday, reported *Bernama*

The Pontian Member of Parliament said the appointment might take a month or two, which is a reasonable period.

"The appointment, however, does not affect the operation of companies under MoF Inc and agencies involved," he said.

Ahmad was saying this when asked about the latest developments in the appointment of chairmen and members of the board of directors, which previously involved the appointment of politicians and was immediately terminated on Dec 14.

On Dec 24, Deputy Prime Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi said the appointments, which also involve MoF Inc and the government-related investment company, are being streamlined and will be announced by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

The Cabinet decision has generally been lauded by the public, who feel that appointments to government-related bodies and GLCs should not be regarded as rewards for politicians.

The public perception is that these positions are being used to give well-paid jobs to politicians who didn't make the cut or have lost their electoral posts but still wield clout in their parties.

TARIKH:
27 DISEMBER 2022

HALAMAN:
25

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☒
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

PELANTIKAN PENGERUSI GLC

Perlu teliti, berhemah

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Pontian

Pelantikan jawatan pengerusi badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu dilakukan secara teliti, berhemah dan tidak tergesa-gesa.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata langkah itu penting bagi memastikan setiap lantikan baharu ke badan berkanun dan GLC dibuat secara tertib dan mengikut prosedur.

Katanya, setakat ini operasi syarikat terutama GLC tidak terjejas berikutan pentadbiran harian dijalankan oleh ketua pegawai eksekutif (CEO) masing-masing.

"Urusan pelantikan pengerusi syarikat termasuk GLC yang belum dibuat, tidak jejaskan operasi syarikat menteri kewangan diperbadankan. Ini kerana CEO dan kakitangan GLC masih bekerja dan tidak meletakkan jawatan.

"Peletakan jawatan ini hanya membabitkan mereka yang berlatar belakangkan politik sahaja sama ada pengarah atau pengerusi GLC.

"Sewaktu Perikatan Nasional (PN) menjadi kerajaan, wakil daripada Pas dan Bersatu untuk mengisi jawatan pengarah dan pengerusi, termasuk anak-anak syarikat menteri kewangan diperbadankan," katanya di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Pontian di sini, semalam.

Pada 15 Disember lalu, Jemaah Menteri dilaporkan memutuskan pengerusi dan ahli lembaga pengarah lantikan politik ditamatkan perkhidmatan dengan serta-merta.

Penamatan itu membabitkan jawatan bagi badan berkanun persekutuan, syarikat menteri kewangan (diperbadankan), syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

Pengumuman kesemua jawatan untuk pengerusi badan berkanun GLC akan ditentukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sabtu lalu pula, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dilaporkan berkata, pengumuman kesemua jawatan untuk pengerusi badan berkanun dan GLC akan ditentukan oleh Perdana Menteri.

Katanya, ia turut membabitkan jawatan di bawah kesemua kementerian dan agensi terbabit.

Mengulas lanjut, Ahmad yang juga Ahli Parlimen Pontian berkata, pelantikan pengerusi GLC perlu dibuat dalam tempoh munasabah dan tidak terlalu lama.

"Pada pandangan saya, tempoh sebulan atau dua bulan sesuai bagi pelantikan pengerusi GLC yang baharu. Saya rasakan itu satu tempoh masa yang munasabah.

"Bagaimanapun terpulang Kabinet dan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung lantikan pengerusi GLC ini," katanya.

TARIKH:
27 DISEMBER 2022

HALAMAN:
5

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☒
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Lantikan pengerusi badan berkanun, GLC perlu teliti

Pontian: Pelantikan jawatan pengerusi badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu dilakukan secara teliti, berhemah dan tidak tergesa-gesa.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata langkah itu penting bagi memastikan setiap lantikan baharu dibuat secara tertib dan mengikut prosedur.

Katanya, setakat ini operasi syarikat terutama GLC tidak terjejas berikutan pentadbiran harian dijalankan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) masing-masing.

"Urusan pelantikan pengerusi syarikat termasuk GLC yang masih belum dibuat tidak jejaskan operasi syarikat menteri kewangan diperbadankan. Ini kerana CEO dan kakitangan GLC masih bekerja dan tidak meletakkan jawatan.

"Peletakan jawatan ini hanya membabitkan mereka yang berlatar belakangkan politik sahaja sama ada pengarah atau pengerusi GLC.

"Sewaktu Perikatan Nasional (PN) menjadi kerajaan, wakil daripada PAS dan BERSATU mengisi jawatan pengarah dan pengerusi, termasuk anak syarikat menteri kewangan diperbadankan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Pontian, di Taman Sri Api-Api, di sini, semalam.

Tamat khidmat

Pada 15 Disember lalu, Jemaah Menteri dilaporkan telah memutuskan pengerusi dan ahli lembaga pengarah lantikan politik ditamatkan perkhidmatan dengan serta-merta.



Ahmad Maslan pada sidang media di Pusat Khidmat Api Api, Pontian, Johor. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

Penamatan itu membabitkan jawatan bagi badan berkanun persekutuan, syarikat menteri kewangan (diperbadankan), GLC dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

Pengumuman kesemua jawatan untuk pengerusi badan berkanun GLC akan ditentukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sabtu lalu pula, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dilaporkan berkata, pengumuman kesemua jawatan untuk pengerusi badan berkanun dan GLC akan ditentukan oleh Perdana Menteri.

Katanya, ia turut membabitkan jawatan di bawah semua kementerian dan agensi terbabit.

Mengulas lanjut, Ahmad yang juga Ahli Parlimen Pontian, berkata pelantikan pengerusi GLC perlu dibuat dalam tempoh munasabah dan tidak terlalu lama.